

PM jamin pertahanan dasar utama negara ketika rundingan dagang

BERITA HARIAN 06 MAY 2025 m/s: 3

Hak Bumiputera, keperluan vendor tempatan atau perlindungan sektor strategik tidak akan diubah

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan, kerajaan tidak akan berkompromi sebarang dasar utama negara dalam mana-mana rundingan perdagangan yang disertai Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan, dasar utama seperti hak Bumiputera, keperluan vendor tempatan atau perlindungan sektor strategik negara ini, tidak akan diubah.

"Ingin saya tegaskan dasar utama negara, dasar Bumiputera, keperluan vendor tempatan, perlindungan sektor strategik tidak akan diubah dalam semua rundingan ini.

"Ini kerana sementara mahu mengikut agenda perdagangan bebas, kita tidak boleh mengelak daripada melihat kepentingan keselamatan dan kepentingan strategik negara.

"Kajian terhadap halangan bukan tarif (NTB) hanya akan melibatkan peraturan yang tidak lagi relevan dan semua perubahan akan dilakukan melalui proses kerajaan yang telus dan inklusif," katanya.

Beliau memberitahu demikian pada sesi penerangan tarif Amerika Syarikat (AS) di Dewan Rakyat semalam.

Pada 2 April lalu, Presiden AS, Donald Trump, mengumumkan tarif timbal balik terhadap negara dagangan dengan negara itu dan Malaysia dikenakan tarif sebanyak 24 peratus.

Bagaimanapun pelaksanaan tarif itu kemudian ditangguhkan pentadbiran Trump untuk tempoh 90 hari, tetapi penerangan kadar asas sebanyak 10 peratus dikekalkan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata Kerajaan AS bersetuju untuk berunding lebih lanjut dengan Malaysia dan terdapat kemungkinan untuk me-

ngurangkan tarif timbal balik yang dikenakan.

"Sekali lagi ditegaskan bahawa proses ini masih berada di peringkat awal, tanpa sebarang persetujuan dimuktamadkan oleh kedua-dua pihak," katanya.

Beliau menegaskan, segala perbincangan yang berjalan itu tertakluk di bawah perjanjian kerahsiaan (NDA), selaras amalan antarabangsa apabila isu rundingan membabitkan kepentingan strategik dan sensitif.

"Sekiranya ada cadangan dasar yang memerlukan kelulusan, ia akan melalui proses semakan menyeluruh, termasuk di peringkat Kabinet dan jika perlu, dibentangkan kepada Parlimen," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menolak dakwaan AS bahawa negara ini mengenakan tarif 47 peratus ke atas import AS ke Malaysia.

Ini kerana, katanya, pengiraan AS berdasarkan nisbah mudah defisit dagangan AS dengan Malaysia berbanding jumlah import pada 2024.

"Dakwaan ini digunakan sebagai asas untuk mengenakan tarif timbal balas 24 peratus ke atas Malaysia iaitu pengurangan 50 peratus ke atas tarif 47 peratus yang dikatakan dikenakan oleh Malaysia ke atas import dari AS.

"Pengiraan ini tidak mencerminkan tahap tarif sebenar dan tidak berlandaskan teori ekonomi yang kukuh. Hakikatnya secara purata, tarif dikenakan ke atas import barangan AS ke Malaysia hanya pada kadar 5.6 peratus dan ini diakui Pejabat Perwakilan Perdagangan AS dalam laporan *2025 National Trade Estimate Report on Foreign Trade Barriers of the President of the United States on the Trade Agreements Program* yang diterbitkan 31 Mac 2025," katanya.

Bagaimana pun, dalam usaha mendepani cabaran tarif AS itu, Perdana Menteri membentangkan, enam cadangan dan strategi utama kerajaan bagi memperkuatkan daya tahan ekonomi negara serta mempertahankan kepentingan nasional dalam jangka pendek dan sederhana.

Anwar menegaskan, langkah itu adalah sebahagian daripada pendekatan strategik dan inklusif kerajaan bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi global yang sama-



Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul Muzaffar, mempengerusikan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

kin mencabar.

"Kita tidak boleh membiarkan ekonomi negara dibentuk oleh tekanan luar tanpa tindak balas berstruktur.

"Malaysia mesti bersedia dengan strategi yang tangkas, berdasarkan data dan memberi manfaat langsung kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, cadangan pertama adalah penyelarasan dasar berlandaskan data melalui Pusat Tindakan Geoekonomi Negara (NGCC) yang menyelaras dasar berkaitan perdagangan dan memantau petunjuk utama ekonomi seperti eksport, tempahan pembuatan, jualan runcit dan pertumbuhan pinjaman.

"Ini bagi memastikan tindakan dasar yang diambil adalah tangkas, bersasar dan menyeluruh," katanya.

Rundingan strategik

Cadangan dan strategi kedua, katanya, membabitkan rundingan strategik bersama AS di mana kerajaan juga giat memperkukuh hubungan perdagangan melalui pelbagai inisiatif seperti pembelian strategik pesawat Boeing oleh Malaysia Aviation Group (MAG) serta memperluas kerjasama digital dengan gergasi teknologi seperti Google dan Microsoft.

"Langkah ini disokong dasar pelaburan mesra industri termasuk perlindungan hak harta intelek," katanya.

Mengulas strategi ketiga, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun, berkata kerajaan bercadang memberi sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pengeksporth terjejas dengan menambah jaminan kerajaan sebanyak RM1 bilion di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) serta dana RM500 juta melalui institusi kewangan pembangunan (DFI) bagi membantu syarikat yang terjejas akibat ketidakpastian ekonomi global.

"Strategi keempat menyentuh keperluan untuk mempelbagai kan pasaran antarabangsa ke Eropah, Asia Tengah dan Amerika Selatan.

"Kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan RM50 juta kepada Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi menyegerakan usaha penerokaan pasaran baharu, katanya.

Perdana Menteri berkata, perdagangan serantau juga diperhebat melalui projek seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), pembangunan sempadan Malaysia-Thailand dan kerjasama ekonomi ASEAN termasuk pelaksanaan Grid Kuasa ASEAN.

"Kerajaan turut memperuntukkan RM1 bilion untuk menaik taraf prasarana sempadan Sarawak dan Sabah dengan Kalimantan, serta membuka rundingan perdagangan baharu dengan EU, EF-

TA dan negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC)," katanya.

Beliau berkata, strategi kelima adalah mempercepat pelaksanaan projek dan pelaburan seperti tebatan banjir dan pembaikan sekolah daif.

"Had sebut harga kontraktor kecil dinaikkan bagi mempercepat kerja penyelenggaraan.

"Selain itu, pusat sehati pelaburan, Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC) akan diperluas ke Pulau Pinang dan Sarawak untuk memudahkan pelabur," katanya.

Strategi terakhir pula, beliau berkata, ia adalah meneruskan agenda pembaharuan ekonomi melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) dan Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) dengan fokus turut diberikan kepada teknologi masa depan seperti kecerdasan buatan (AI) dan post-quantum cryptography.

"Kerajaan juga telah menganugerahkan projek solar berskala besar sebanyak 2,000MW di bawah program solar berskala besar 5 (LSS5), dan akan menambah kuota dalam masa terdekat," tambahnya.

Anwar berkata, kerajaan tidak boleh hanya memberi tumpuan kepada penyelesaian jangka pendek, sebaliknya pembaharuan struktur mesti diteruskan agar ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan maju untuk generasi akan datang.